

04/03/1997

MCA lancar kempen hormati guru

MELAKA, Isnin - MCA, Gabungan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia dan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia akan melancarkan kempen menghormati guru.

Sempena kempen itu pemimpin MCA dan dua badan berkenaan akan mengunjungi guru serta sekolah lama masing-masing sebagai menghargai sumbangan serta jasa mendidik mereka sehingga berjaya dalam profesion sekarang.

Ini antara keputusan dicapai oleh pemimpin MCA serta kedua-dua dewan berkenaan selepas mengadakan perbincangan di atas kapal Star Cruise yang belayar dari Pelabuhan Klang semalam dan berlabuh pula di sini, hari ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata keputusan diambil bagi menganjurkan kempen untuk mewujudkan kesedaran serta meningkatkan kemuliaan serta menghormati guru supaya akan turut diikuti pelajar, ibu bapa serta seluruh masyarakat.

Katanya, lawatan serta penghormatan itu diharapkan dapat meningkatkan profesion perguruan sebagai satu kerjaya yang dihormati serta disanjung.

"Kita semua dalam MCA serta kedua-dua dewan ini mengiktiraf bahawa tugas mengajar adalah profesion mulia kerana guru berperanan penting dalam mewujudkan kerjaya yang ada sekarang sama ada menjadi menteri, pemimpin masyarakat atau tokoh korporat," katanya kepada pemberita, sebelum majlis jamuan tengah hari mengakhiri pelayaran berkenaan, hari ini.

Antara yang hadir ialah Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek; Naib-naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng, Datuk Yap Pian Hong, Ong Ka Ting dan Datuk Dr Fong Chan Onn; Ketua Pemuda MCA, Datuk Chan Kong Choy; Ketua Wanita MCA, Datuk Teng Gaik Kwan; Presiden Gabungan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia, Ng Teck Fong serta Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia, Lim Guan Teik.

Dr Ling berkata, profesion perguruan menerima banyak cabaran termasuk diserang pelajar.

"MCA dan kedua-dua dewan ingin menyatakan sokongan penuh kepada profesion perguruan kerana ada yang terpaksa bertugas di luar tanggungjawab mereka dalam menjaga kita serta kanak-kanak," katanya.

Beliau juga mengumumkan bahawa partinya serta kedua-dua dewan berkenaan menyokong wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

(END)